

PM ingatkan orang Melayu tingkat perpaduan

UM 29 FEB 2000

JITRA 28 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat khususnya orang Melayu supaya meningkatkan perpaduan di kalangan mereka bagi menjamin agama Islam terus selamat dan dihormati.

Menurut Perdana Menteri, orang Melayu dan agama Islam tidak boleh dipisahkan kerana mereka ditakrifkan sebagai orang Melayu hanya jika beragama Islam.

“Apabila kita menyelamatkan orang Melayu maka kita juga menyelamatkan agama Islam,” katanya pada majlis perhimpunan bersama rakyat di Kampung Hilir, Bukit Tinggi dekat sini hari ini.

Beliau berkata, perpaduan orang Melayu merupakan satu kekuatan yang

ada pada mereka dan secara tidak langsung ia dapat menjamin keselamatan agama Islam.

Sehubungan itu Perdana Menteri meminta umat Islam menghentikan sikap bermusuhan sesama mereka termasuk menanamkan semangat kebencian di kalangan anak kecil terhadap orang tertentu.

“Perbuatan senerti ini hanya memecahbelahkan orang Melayu dan kerana itu orang asing akan menguasai negara kita,” ujar beliau.

Dr. Mahathir mengingatkan bahawa orang Melayu boleh kehilangan kuasa di negara ini jika mereka tidak berhati-hati dengan cubaan kuasa asing itu.

Menurutnya, kuasa asing sebelum ini telah cuba untuk menjajah ne-

gara dengan menurunkan nilai mata wang tetapi ia dapat diatasi oleh kerajaan.

Bagaimanapun katanya, serangan-serangan seperti itu akan diteruskan lagi pada masa depan dan negara mungkin tidak dapat mengatasinya jika rakyat tidak bersatu hati.

Beliau menegaskan, cubaan seperti itu boleh dikawal sekiranya rakyat bersatu padu, tidak berkecuali dan tidak melemparkan fitnah sesama mereka.

Katanya, perpecahan umat Islam di negara jiran yang akhirnya menyebabkan mereka kini terpaksa tunduk dengan tekanan kuasa asing perlu dijadikan satu pengajaran.